



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 81/2019**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEMERHATI KAJICUACA KANAN TINGKAT I (C.2 EB.3)
JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====
Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Darussalam.



- | |
|---|
| <p>1. PEMERHATI KAJICUACA KANAN TINGKAT I
JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Matematik / Sains / Alam Sekitar atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam sebagai Pemerhati Kajicuaca Kanan Tingkat II dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pemerhati Kajicuaca Tingkat I dalam tanggagaji D.4 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Kelayakan Pemerhati Kajicuaca Kanan Tingkat I dan diakui sebagai *WMO Meteorological Technician*.
3. Berpengetahuan dan berpengalaman dalam penyelenggaraan dan penukaran peralatan konvensional kajicuaca dan berkebolehan dalam mengendalikan keseluruhan tugas-tugas operasi Jabatan Kajicuaca.
4. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
5. Berpengetahuan dan berpengalaman dalam penggunaan perisian computer dan berpengetahuan tentang iklim Negara Brunei Darussalam dan Rantau Asia adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melapor diri kepada Penyelia Kajicuaca tempat bertugas.
2. Bertanggungjawab untuk mengawasi tugas-tugas Pemerhati Kajicuaca Kanan Tingkat II dan kakitangan bawahan.



3. Membantu dalam pengendalian kursus dan latihan bagi kakitangan Jabatan Kajicuaca dan mana-mana pihak memerlukan.
4. Memeriksa, menyelenggara dan menentukur peralatan konvensional kajicuaca.
5. Menyemak dan menyunting data-data kajicuaca dan kajiiklim untuk kawalan mutu.
6. Menyediakan statistik data klimat asas berformat harian, bulanan dan tahunan.
7. Mengawasi dan menjalankan pemeliharaan asas sistem-sistem komputer untuk tujuan operasional.
8. Membantu Pegawai Kajicuaca dalam pengurusan kakitangan dan pentadbiran unit tempat bertugas.
9. Membantu penyelarasan, pemesanan dan pembelian peralatan operasional.
10. Membantu Pegawai Kajicuaca dalam menyediakan bahan dan menjalankan tugas-tugas kajiselidik.
11. Menjalankan ukur-tapak untuk stesen kajiiklim dan stesen turunan hujan seterusnya memasang peralatan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';

- Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
<input checked="" type="checkbox"/>	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
<input checked="" type="checkbox"/>	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

SIJIL Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office